

17 JUN 1999

Siasatan

HUBUNGAN AS-MALAYSIA AMAT BAIK WALAUPUN RETORIK

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 17 Jun (Bernama) -- Seorang pegawai kanan pentadbiran Clinton menggambarkan hubungan dua hala Amerika Syarikat-Malaysia sebagai "amat baik" walaupun pemimpin kedua-dua negara saling berbalas retorik pedas.

Timbalan Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwat Asia Timur dan Pasifik, Ralph Boyce pada siasatan Jawatankuasa Kecil Kongres mengenai "Malaysia: Menilai Agenda Mahathir," berkata terdapat sedikit perubahan dalam kerjasama Amerika-Malaysia dalam hal ehwal perniagaan, perdagangan, diplomatik dan keselamatan kerana Malaysia masih mencari hubungan yang konstruktif dengan Amerika.

"Bagaimanapun, retorik berlebihan dan yang tidak betul mengenai niat Amerika tidak membahayakan kepentingan bersama kita," kata Boyce kepada anggota Jawatankuasa Kecil Kongres bagi Asia dan Pasifik di sini pada Rabu.

Boyce yang berada di Kuala Lumpur kira-kira dua minggu lepas berkata, kebanyakan pemerhati percaya parti Barisan Nasional (BN) pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkemungkinan besar memenangi majoriti selesa dalam pilihan raya umum akan datang yang akan diadakan bila-bila masa sebelum April depan.

"Kami berharap dan menjangkakan rakyat Malaysia ... akan memilih sebuah kerajaan menerusi prosedur demokrasi mantap yang menggambarkan kehendak majoriti," kata Boyce.

Boyce turut mengulangi kebimbangan kerajaan Amerika mengenai;

* kebebasan dan keadilan badan kehakiman Malaysia berhubung kes bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim;

* kebebasan dan profesionalisme pasukan polis; dan

* kebebasan perhimpunan dan media.

Beliau berkata, perkara itu telah menghalang keupayaan pihak pembangkang untuk bersaing dengan parti pemerintah.

Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Doug Bereuter, semasa ditanya kenapa diadakan siasatan mengenai Malaysia berkata, ia bagi mendidik masyarakat Amerika dan memberitahu kerajaan Malaysia bahawa "kami berminat dan kami memerhatikan apa yang berlaku."

Siasatan selama satu setengah jam itu tidak mendapat sambutan dengan hanya tiga daripada 21 anggota jawatankuasa kecil itu hadir.

Terdapat banyak kekeliruan mengenai siasatan itu, bilik dan masa telah ditukar sebanyak tiga kali sebelum perjumpaan itu, manakala senarai saksi juga tidak ditentukan sehingga saat akhir.

Hinggakan tema siasatan itu turut ditukar daripada "Malaysia Di Bawah Pimpinan Mahathir Mohamad" kepada nada yang lebih negatif: "Malaysia: Menilai Agenda Mahathir."

Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwat Asia Timur dan Pasifik, Stanley Roth dijadualkan berhujah bagi pihak pentadbiran, tetapi digantikan oleh Boyce.

Empat anggota kongres itu bergilir-gilir mengemukakan pertanyaan kepada tiga saksi berkenaan -- Boyce; Douglas Paal, Presiden Pusat Dasar Asia Pasifik dan Dr Linda Lim, warganegara Singapura yang mengajar di University of Michigan Business School.

Mereka ditanyakan soalan-soalan mengenai;

* kawalan mata wang Malaysia;

* parti pembangkang Keadilan pimpinan isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail;

- * hubungan tegang Malaysia dan Singapura; dan
- * cara Malaysia menangani masalah babi yang dijangkiti virus JE.

Seorang pemerhati Amerika yang menghadiri siasatan itu menyifatkan prosiding itu sebagai sebuah "mahkamah kangaro untuk menghentam Malaysia dan Dr Mahathir".

Duta Malaysia ke AS, Datuk Ghazzali Sheikh Khalid, yang tidak menghadiri siasatan itu ketika ditanya di pejabatnya berkata: "Jika mereka mengatakan ia satu sesi pendidikan, mengapa pula orang yang mengendalikannya yang bergelar pakar, terang-terang berat sebelah dan tiada maklumat betul, tetapi memberi keterangan kepada jawatankuasa itu."

Ghazzali berkata pandangan Paal "tidak memberikan sebarang kesan" kerana beliau telah mengaku bahawa pusatnya telah berkerjasama dengan Anwar dan telah mendapat manfaat hasil sumbangan Anwar dan rakan-rakannya.

"Pada pendapat saya, Paal tidak mempunyai kredibiliti dan kita tidak sepatutnya memandang serius pandangannya. Lagipun, siapa yang membayar dialah yang berhak membuat penentuan."

Bagi Lim, yang berulang kali meremeh-remehkan peranan langkah kawalan mata wang dan modal dalam pemulihan ekonomi Malaysia pada siasatan itu, Ghazzali berkata beliau mendapati pandangan beliau yang dipanggil pakar ekonomi itu bercanggah dengan keadaan sebenar di Malaysia pada masa ini.

"Beliau seolah-olah tidak menghargai keadaan yang menyebabkan kawalan modal itu dilaksanakan oleh Malaysia dan kesan positifnya terhadap pemulihan ekonomi kita," kata duta itu.

Paal berkata bahawa sejak satu setengah dekad lepas, Malaysia telah berbalah dengan Amerika Syarikat, Singapura, Britain, Australia, Filipina dan lain-lain.

"Semua ini berperanan besar dalam pasang surut aliran politik Malaysia. Sering kali, Dr Mahathir menguasai kontroversi ini, atau pun mencetuskannya, untuk menggerakkan perkembangan mengikut kehendaknya," kata Paal.

Paal, yang sedang mencari penaja dari negara lain untuk meneruskan peranan pertubuhannya, mencadangkan kepada anggota Kongres agar AS mengekalkan hubungan yang betul tetapi bersahaja dengan kerajaan Mahathir.

-- BERNAMA
SH RYN RHM